



BERIKAN ruang kepada murid untuk merasai keseronokan belajar subjek Sejarah. - GAMBAR HIASAN/BERNAMA

Kait Sejarah dengan dunia sebenar

SAUDARA PENGARANG.

MENYENTUH kenyataan Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik baru-baru ini bahawa sekolah adalah tempat pelajar menimba ilmu dan bukannya untuk disalahgunakan oleh parti politik. Tegas beliau, sekolah adalah tempat di mana murid diajar mengenai demokrasi, Perlembagaan dan hak mereka sebagai warganegara.

Perkara disebut Maszlee yang perlu diajar kepada murid ada terkandung dalam subjek Sejarah.

Bagi saya murid perlu diberikan ruang untuk merasai keseronokan belajar mata pelajaran itu di sekolah. Hidupkan subjek berkenaan dengan aktiviti-aktiviti yang melibatkan kemahiran berkomunikasi, bekerjasama, kreativiti, pemikiran kritis serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Berikan murid ruang mempelajari Sejarah dengan mengaitkannya kepada dunia sebenar. Dedahkan murid dengan buku Perlembagaan Persekutuan.

Dedahkan kemahiran berkomunikasi dan bekerjasama melalui pembelajaran berasaskan komuniti dengan melawat tempat bersejarah dan muzium. Melawat

kesan peperangan tinggalkan penjajah yang perlu diambil seribu pengajaran. Berikan ruang kepada murid belajar berkomunikasi dengan masyarakat, bertanya soalan kepada warga tua yang hidup pada zaman peperangan.

Timbulkan persoalan-persoalan sejarah untuk difikirkan murid. Berikan ruang masa murid untuk berfikir. Terima idea murid dan minta penjelasan mereka mengenai sesuatu pandangan. Pembelajaran Sejarah bukan untuk disahkan salah atau betul tetapi diadili berdasarkan bukti dan hujahan.

Lupakan sementara desakan beberapa pihak yang masih berideologi lama ingin menghabiskan sukatan pelajaran Sejarah dan mengejar kecemerlangan keputusan peperiksaan semata-mata. Tetapi akhirnya murid kita hanya A di atas kertas tetapi tiris pengetahuan tentang peristiwa lalu. Pendidikan Sejarah adalah untuk memanusiaikan insan dan mengambil pengajaran daripada peristiwa yang telah berlaku.

SHAKILA CHE DAHALAN

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)